

25/02/2003

Perhimpunan Aman kemuncak pertama perjuangan

Azimi Daim

MALAM kelmarin, suara keamanan rakyat Malaysia memuncak di Stadium Nasional Bukit Jalil. Buat pertama kali, lebih 250,000 rakyat Malaysia berhimpun dalam satu majlis. Stadium yang padat dari tempat duduk sisi hingga di tengah padang, menerima kunjungan pelbagai lapisan masyarakat sehingga melimpah ke luar. Rakyat Malaysia kini sebahagian daripada pejuang keamanan dunia.

Hampir keseluruhannya adalah anak muda - suara rakyat seluruh negara diwakili suara generasi muda dalam perhimpunan itu. Sejak jam 3 petang, arena olahraga itu mula diriuhan sorakan apabila satu demi satu kumpulan memasuki stadium. Apa lagi ketika barisan artis tampil untuk bersama memperjuangkan keamanan.

Saat tayangan video dipaparkan, wajah ramai juga anak muda yang terpegun, kesedihan dan bergenang air di kelopak mata mereka. Kekejaman perang, keganasan tentera rejim zionis, kesengsaraan anak kecil dan wanita, wajah kesakitan mangsa perang mendapat simpati seluruh isi kalbu anak muda yang hadir.

Perjuangan menerusi Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) di bawah teraju Datuk Hishammuddin Hussein berjaya menyatukan keseluruhan

lapisan rakyat dan pemimpin. Lebih 1,200 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bergabung di bawah perikatan ini. Malah, masyarakat Cina yang mengalami banyak gelombang sejak sekian lama, sekurang-kurangnya kali ini bersatu menerusi 568 NGO mereka untuk menyokong keamanan. Kata rakan dari pertubuhan belia Cina, istilah keamanan bagi orang Cina juga bermakna aman

dan harmoni. Oleh itu, orang Cina juga berkongsi rasa dan turut menyokong

perjuangan semua bangsa dunia demi keamanan sejagat.

Suara Orang Muda amat berbangga melihat kebanyakan anak muda, khususnya

di tengah stadium, adalah dari kalangan pelajar, khususnya siswa-siswi institusi pengajian tinggi (IPT). Demikian juga sukarelawan yang bergiat menerusi pelbagai NGO, mereka adalah golongan muda. Baik yang mengiringi kedatangan tetamu, yang menyediakan khidmat pertolongan cemas, mahupun yang menjaga pintu masuk, anak muda memberikan sumbangan bermakna kepada kejayaan Aman Malaysia.

Kehadiran wartawan dan krew dari pelbagai agensi berita antarabangsa juga memberi peluang kepada seluruh dunia menyaksikan perjuangan keamanan

Malaysia. Kini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima sokongan pelbagai lapisan masyarakat untuk memperjuangkan keamanan.

Kita kini mengharapkan Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) di

Pusat Dagangan Dunia Putra yang berakhir hari ini menerima pakai memorandum keamanan rakyat Malaysia. Jika pertubuhan terbesar dunia selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini mengisytiharkan resolusi yang senada dengan kita, itulah kejayaan kita.

Sebenarnya banyak kejayaan Aman Malaysia yang sudah rakyat Malaysia tempa, bermula dengan kempen sejuta tandatangan yang mencecah 2.5 juta mahupun perhimpunan raksasa kelmarin. Malah, apabila rejim Tel Aviv melarang Datuk Bandar Jenin daripada datang ke Malaysia di bawah anjuran Aman Malaysia, itu tanda kegerunan Israel terhadap kejayaan dan kesan gerakan rakyat negara kita.

Usaha menyedarkan seluruh lapisan rakyat terhadap erti dan nilai keamanan turut menyelinap di serata pelosok negara. Semua bersetuju, hati

kita sama, tidak kira tua muda, Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Serani, Islam, Hindu, Buddha dan Kristian. Kita mahukan keamanan dan ketenteraman. Keamanan menjadi aset ekonomi dan pembangunan Malaysia.

Namun, perjuangan kita belum tamat. Amerika Syarikat masih bimbang simpanan petroleum dan gas aslinya yang semakin berkurangan. George W Bush

masih menjadi ancaman kepada keamanan dunia, khususnya yang mengeluarkan banyak minyak seperti Iraq dan Arab Saudi. Israel masih meluaskan kekejamannya dan bermaharajalela melakukan jenayah perang.

Malah, jika Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq, bukan saja orang awam, kanak-kanak, wanita dan warga tua menjadi mangsa dan menderitanya, malah Iraq sudah bersedia membakar beratus-ratus telaga minyak

dan gas aslinya. Oleh itu, harga minyak dunia bakal melambung dan alam sekitar tercemar oleh pelbagai gas dan toksik dari kebakaran itu.

Inisiatif keamanan sejagat yang komprehensif, adil dan berkekalan masih

perlu diteruskan. Seperti wajah pelbagai generasi muda di perhimpunan itu

yang menghiasi muka depan akhbar arus perdana semalam, anak muda adalah pejuang keamanan itu.

Tarikh 23 Februari 2003 itu hanya kemuncak fasa pertama perjuangan anak

muda. Bukanlah ia menjadi detik kenangan tetapi permulaan perjuangan yang

masih memerlukan banyak pengorbanan. Maka, teruslah bangkit menentang perang dan memperjuangkan keamanan.